




penulis renchana ini

adat perpateh negeri sembilan patut-lah DI-KAJI DENGAN TELITI

OLEH

ABDUL GHANI SHAHMARUDDIN

Dalam keluaran sulong Majallah Dewan Masyarakat saudara Ismail Ambia telah mengulas tentang **PERLU-NYA MENYATUKAN DAN ME-MAKTUBKAN ADAT PERPATEH DI-NEGERI SEMBILAN**. Dalam keluaran yang ketiga pula saudara Rais Yatim telah melanjutkan hujjah2 yang di-chetuskan oleh saudara Ismail Ambia tersebut dengan **ZAMAN PENENTUAN DAN PERALEHAN ADAT PERPATEH**. Dalam kedua2 makalah tersebut di-dapati bahawa "**lantekan ganti**" Dato' Mendika Menteri Akhir Zaman Shahmaruddin bin Haji Abdul Rahman, Undang Luak Jelevu yang ketujuh belas, ada-lah di-jadikan lunas utama!

Pakar Adat

Kedua2 penulis tersebut ada-lah pakar dalam perkara yang mereka bicharakan memang tiada dapat di-nafikan. Ini ternyata dari ulasan dan alasan2 yang di-kemukakan oleh mereka. Sunggoh pun bagitu ada juga kemushkilan penulis tentang benar atau tidak-nya apa yang mereka perkatakan.

Penulis bukan-lah sa-orang pakar seperti saudara Ismail Ambia yang ber-kelulusan Sarjana Muda Arts dengan Kepujian, B.A. (Hons.) dengan **TADBIRAN ADAT PERPATEH NEGERI SEMBILAN**. (1959) menjadi tajok Latehan Ilmiah-nya (*Thesis*). Perakuan dari pusat pengajian tertinggi seperti Universiti Malaya ka-atas diri-nya sudah memadai bagi mengesahkan keahlian-nya.

Akan saudara Rais Yatim pula tiada-lah dapat penulis memperkatakan ke-

chuali mengakui bahawa tulisan-nya ada-lah menjadi bukti yang nyata terhadap keahlian-nya. Penulis chuba mencheborkan diri dalam lubok tersebut bukan-lah kerana ahli di-dalam perkara yang di-bicharakan tetapi chuma sabagai pehak yang berhubung rapat dengan perkara yang di-jadikan lunas utama oleh kedua2 penulis tersebut —lantekan Undang Luak Jelevu.

Mengikut tulisan saudara Rais Yatim Adat Perpateh "**Negeri Sembilan sudah terpelanting jauh dari dasar asal-nya**". Tudohan tersebut ada-lah terlalu melulu dan "**terpelanting jauh**" daripada kebenaran.

Beneh Yang Satu

Pada lunas dasar-nya (*Basic principles*) adapun Adat Perpateh yang di-amalkan baik di-Pagar Ruyong, Minangkabau mahu pun di-Negeri Sembilan, Tanah Melayu ada-lah sama jika tiada pun sa-rupa. Ini ada-lah kerana perkara tersebut bertumbuh daripada beneh yang satu — Dato' Perpateh Nan Sa-batang. Jika berbedza masakan Adat di-kedua2 wilayah itu mempunyai nama yang sama — Adat Perpateh!

Mungkin tudohan tersebut di-maksudkan kepada pembawaan (*practices*) Adat itu. Ini memang tiada dapat di-nafikan malahan ada-lah mengikut resmi alam (*the Laws of Nature*). Anak pisang yang berasal dari rumpun yang satu masakan mendapat pertumbuhan (*growth*) yang sama apakala di-tanam pada berlainan tempat. Pertumbuhannya ada-lah di-pengaruhi oleh keadaan alam sa-keliling dan juga tanah tempat tumbuh-nya yang baharu itu.

*Lain padang lain belalang,
Lain lubok lain ikan-nya.*

Perbdzaan tersebut bukan sahaja terdapat di-antara **Pagar Ruyong** dengan **Negeri Sembilan** bahkan terdapat da-

lam Negeri Sembilan sendiri, di-antara Luak2 yang menganut Adat tersebut. Ini dapat di-lihat dari Perlembagaan-nya dan penglaksanaan Adat tersebut bagi Luak yang berkenaan seperti bilangan Suku dan Warith yang mengwujudkan masyarakat Adat tersebut berserta dengan pertadbiran-nya.

Tiada Bersalahan Dengan Shara':

*"Adat bersendi hukum,
Hukum bersendi kitabullah.
Kuat Adat, ta' gadoh hukum;
Kuat hukum, ta' gadoh Adat.
Ibu hukum muafakat;
Ibu Adat muafakat."*

Adat Perpateh ada-lah suatu Adat saka (*matriarchal system*) yang menerima warithan mengikut sa-belah ibu (*matriarchal lineage*). Oleh kerana warithan dari sa-belah ibu ini-lah maka kebanyakan alim ulama Tanah Melayu telah mengechap Adat tersebut sa-bagai bersalahan dengan pengajaran ugama Islam yang maha suci!

Tetapi penulis kehairanan apabila, dalam perchakapan-nya dengan **Dr. Muhammad Zaki Bidawi** berkenaan dengan masyarakat Islam yang sa-benar, Tuan tersebut telah menyatakan bahawa masyarakat Adat Perpateh Negeri Sembilan ada-lah mengikut dasar masyarakat Islam yang sa-benar. Apakala penulis meminta penjelasan-nya berkenaan dengan perkara tersebut tuan itu telah menjelaskan bahawa ada pun gambaran masyarakat Islam yang di-kesahkan dalam Al-Quran'ul Karim itu ada-lah sesuai bagi masyarakat yang terdapat di-padang pasir sahaja seperti di-Benua Arab itu. Sa-lanjut-nya tuan itu telah menyatakan bahawa di-negeri-nya sendiri (Masir) hukum tersebut terpaksa di-sesuaikan dengan keadaan masyarakat di-sana bagi penglaksanaan-nya yang lichin. Pendek kata, jika hukum tersebut hendak di-pakai di-tempat lain maka

terpaksa-lah di-sesuaikan dengan keadaan masyarakat di-negeri itu sendiri agar tiada berlawanan. Ini-lah yang di-katakan dalam Sains "penyuaian" atau "acclimatization".

Sesuai Dengan Zaman

Kalau hendak di-bicarakan tentang sesuai-nya Adat Perpatih bagi menghadapi pergolakan dunia di-hari ini sudah tentu akan memakan masa dan ruangan yang panjang juga. Oleh kerana desakan keadaan dan masa maka penulis tiada-lah sanggup bagi menghasilkan maksud tersebut di-sini. Insha' Allah jika keadaan dan masa mengidzinkan maka pehak penulis tiada-lah keberatan bagi menyumbangkan bakti dalam lapangan tersebut sepanjang yang di-ketahui oleh-nya untuk tatapan pembaca. Untuk meringkaskan kalam maka memadai-lah penulis merujuk kepada penulisan saudara Rais Yatim yang menyatakan bahawa di-antara makalah2 yang di-hasilkan oleh penulis Barat dalam perkara tersebut termasuk-lah *The Adat Perpatih as an Ideal Governing System*.

Jika sa-orang dari dunia Barat tergamak mengakui bahawa Adat Perpatih itu ada-lah suatu sistem pemerintahan yang *ideal* sudah sa-tentu-nya ini suatu sanjungan yang tertinggi yang dapat di-banggakan oleh pehak yang menganut Adat tersebut. Sa-bagai suatu yang *ideal* pehak penulis memang sedar bahawa sudah sa-mesti-nya sukar hendak di-jayakan dengan sa-penoh-nya. Ini bukan di-sebabkan oleh Adat tersebut tiada sesuai tetapi oleh mereka yang mewarithi-

nya ada-lah daripada Kaum Bani Adam belaka yang sentiasa di-pengarohi oleh penyakit2 tabi'i. Oleh itu maka kepinchangan perjalanan Adat Perpatih di-hari ini bukan-lah di-sebabkan oleh Adat itu sendiri tetapi ada-lah di-sebabkan oleh "penyakit" mereka yang bertanggung-jawab menjalankan-nya. Beberapa penyakit masyarakat saperti rashwah, tama' haloba dan berbagai lagi sedang bermaharaja lela di-kalangan mereka yang menganut Adat tersebut. Ini ada-lah bertentangan dengan dasar Adat tersebut.

Pengakuan *ideal* oleh sa-orang penulis Barat terhadap Adat tersebut ada-lah bukti yang nyata bahawa Adat Perpatih itu boleh di-sesuaikan dengan mana2 zaman sa-kali pun. Ini memang dapat di-jayakan dengan berpanduan perbilangan Adat:

"Bulat ayer dek pemetong;

Bulat manusia dek muafakat."

Chadangan saudara Ismail Ambia supaya "**Menyatukan Dan Memaktubkan Adat Perpatih Di-Negeri Sembilan**" itu ada-lah bersalahan dengan maksud utama Dato' Perpatih Nan Sabatang menchipta Adat tersebut. Mungkin penulis tersalah pengertian tentang maksud saudara Ismail Ambia yang sa-benar-nya tetapi pada telahan penulis kebanyakan pembaca dapat memahami bahawa suatu "**Perlembagaan Adat**", hendak-lah "**di-maktubkan**" dan tiada jauh ubah-nya saperti Undang2 yang digubal oleh Kerajaan di-hari ini!

Jika Adat sudah "**di-maktubkan**" maka tiada-lah ia-nya boleh di-namakan



*Allah Yarham Dato' Shahmaruddin
Undang Luak Jelebu.*

Adat lagi. Ini ada-lah kerana ia-nya sudah di-jadikan Undang2 negeri dan saperti Undang2 yang lain akan menerima nasib yang sama, ia-itu **kaku** dan boleh di-ubah mengikut kehendak pehak yang berkuasa.

Akan Adat Perpatih yang sa-benar yang

Di-anjak layu, di-chabut mati
itu ia-lah

*Adat yang berpanjang naik ber-
tangga turun;
Berlukis, berlembaga, bertiru,
bertuladan.*


dan *Beruang2 bak durian,
Berlopak2 bak sawah.*

Pada keseluruhannya Adat Perpatih ada-lah terlalu luas penggunaan-nya dan penglaksanaan-nya hendak-lah mengikut tempat tumbuh-nya sama ada *di-lereng* atau *di-paya*. Ini ada-lah kerana Adat tersebut ada-lah sa-mata2 bertujuan untuk

Upacara mengusong Dato' Shahmaruddin, Undang Luak Jelebu bersama isteri-nya ka-Ngulang2 (pancha persada) bagi menunaikan isti'adat "bersiram" adat yang terpenting dalam Adat Isti'adat Pertabalan pada 29-31 Julai, 1957.



Dato' Mengiang Merah Bangsa Syed Suhor (Lembaga Suku Mungkal) sedang mengangkat sembah dalam isti'adat mengadap. Di-kiri kanan Balai Penghadapan itu di-kapit oleh Juak2 Undang nan Sapuluh dengan senjata terhunus bagi mengawas isti'adat tersebut.



kebaikan dan ketenteraman masharakat yang berkaitan.

*Pada Adat menghilangkan yang burok,
Menimbulkan yang baik;
Pada Shara' menyuroh berbuat baik,
Meninggalkan berbuat jahat.*

Pada hari ini jika kita hendak mengetahui berkenaan dengan Adat Perpatih maka terpaksa-lah kita merujo'kan kepada hasil2 pena penulis Barat. Mereka telah membuat kajian yang sa-dapat2-nya agar perkara tersebut dapat di-ketahui ramai. *Pejak Adat Perpatih* ada-lah terhutang budi kepada mereka kerana telah, dengan tiada di-sengaja-nya mempertahankan kedudukan Adat tersebut sa-hingga hari ini. Ada-kah memadai sa-takat yang mereka tinggalkan itu sahaja? Sa-bagai golongan yang terasing sa-kali dari Adat Perpatih tersebut sudah sa-harus-nya mereka tiada begitu berjaya menyelami hasrat adat tersebut yang sa-benar!


Sekarang terpulang-lah kepada warga negara Malaysia seperti saudara Ismail Ambia dan rakan2 yang sa-aliran dengan-nya bagi menyambong rintisan yang telah di-tinggalkan oleh penulis

Barat itu. Sa-bagai sa-orang "Ahli didalam so'al2 Adat Perpatih" seperti yang terchatet dalam Majallah BAHASA PBMUM keluaran Mach, 1959 (Jilid 2 Bilangan 1) dan sa-bagai Siswazah Utama dalam lapangan tersebut saudara Ismail Ambia sa-harus-nya MENGAJI dengan lebeh teliti lagi akan perkara tersebut.

Kajian yang teliti terhadap Adat tersebut akan menghasilkan kenyataan dan kebenaran, dan dengan bukti2 tersebut dapat-lah di-ikhtiarkan "ubat2-nya" bagi menyembuhkan "penyakit2" yang sedang menulari masharakat Adat ter-

sebut demi kepentingan Negara. Dengan terbongkar-nya segala rahsia yang terselit tersepit dalam lipatan Adat Perpatih yang sudah lama berhabok itu oleh warga negara Malaysia sendiri maka dapat-lah kita membuktikan kepada Dunia bahawa kita mempunyai Sejarah, Kebudayaan dan Sastera yang kaya juga dan tiada tanding-nya.

Siapa tahu, dengan terbongkar-nya segala rahsia Adat Perpatih tersebut maka dapat-lah warga negara Malaysia yang berjiwa kebangsaan menchipta suatu chara pemerintahan demokrasi yang tiada asing lagi bagi negara Malaysia dan boleh menggantikan chara pemerintahan yang kita tiru dari dunia Barat itu. Perkara tersebut sudah pun di-chetuskan oleh penulis makalah "*The Adat Perpatih as an Idea Governing System*".



Kemunchak dalam isti'adat mengadap Dato' Raja Mohd. Said (Kepala Warit Ulu Jelebu—Warith yang menyambut giliran Undang sekarang) sedang menguchu tangan Undang menyatakan ta'at setii

